UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# Laporan

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





# LAPORAN

# ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

# 2023

## AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**
JANUDIN BIN SARDI @ HJ. MOHD YUSOP

**KETUA UNIT KUALITI :**

**PENYELARAS :**
SALIZA BINTI ISMAIL

**PENULIS :**

1. LEE AI CHAT
2. SALIZA BINTI ISMAIL
3. SALIZA BINTI ISMAIL
4. SRI QAMARIAH BINTI MOHD SAMSIR
5. SITI SARAH BINTI ROSELAN
6. NEO YEE FENG
7. SITI SALEHA BINTI SANUSI

8. SHABINA KUMARI A/P SUBRAMANIAM
9. NURUL HIDAYU BINTI SHAFIE
10. MIDIYANA BT MOHAMAD
11. HASLINA BINTI DAUD
12. NADIA BINTI ANUAR
13. NUR HIDAYAH BINTI YAHAYA
14. FARAH HANINI BINTI ABDUL RAHMAN
15. TENGKU AZEEZEEN BT TENGKU SHAMSUDDEEN
16. AHMAD ASNAWI BIN ZAMRI

# KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

## 1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada awal 2022, Akademi Pengajian Bahasa (APB) diterajui oleh Profesor Dr. Othman Ismail sebagai Dekan dan Profesor Ts. Dr. Januddin Sardi sebagai Timbalan Dekan Akademik (TDA), Dr. Muhammad Zaidi Zakaria sebagai Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TD HEP) serta Profesor Madya Dr. Nor Fazlin Mohd Ramli sebagai Timbalan Dekan Penyelidikan, Penerbitan, Jaringan Industri (TD PJI). Barisan pengurusan tertinggi APB didukung oleh seorang Timbalan Pendaftar bagi urusan pentadbiran serta Penolong Pendaftar Kanan bagi urusan akademik dan hal ehwal pelajar serta barisan Ketua Pusat Pengajian, Koordinator dan Penyelaras bagi setiap unit. Walau bagaimanapun, pada Jun 2022 Profesor Ts. Dr. Janudian Sardi telah memangku jawatan Dekan APB seterusnya dilantik menjadi Dekan pada Julai 2022. Tempat beliau telah digantikan dengan Profesor Dr. Anealka Aziz Husin sebagai Timbalan Dekan Akademik (TDA).

Pengurusan tertinggi Akademi Pengajian Bahasa melalui Dekan Profesor Ts. Dr. Janudin Sardi sebulat suara memilih bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran bagi penilaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2022. Oleh hal yang demikian, Dekan APB telah menyarankan Timbalan Dekan Akademik untuk membuat semakan dan aktiviti yaang berkaitan dengan inisiatif yang dipilih. Justeru, beberapa inisiatif dilaksanakan, dilapor serta ditambah baik oleh jabatan-jabatan yang terlibat.

Sehubungan itu, Barisan Pengurusan APB telah memilih empat (4) inisiatif utama bagi tujuan pelaporan ini. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. **EET -** ***English Exit Test***
2. **EPT -** ***English Placement Test***
3. **CGCT -** ***Collaborative Group Collaborative Teaching***
4. **SULAM -** ***Service-Learning Malaysia University for Society***

### 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**EET - *English Exit Test***

EET merupakan salah satu syarat untuk bergraduasi di UiTM yang termaktub dalam Buku Peraturan Akademik Program Diploma dan Muda 2015 (Bilangan 1) dalam Perkara 2.28.2. Ia dijalankan kepada semua pelajar tahun akhir yang bertujuan untuk menguji dan me kemahiran bahasa Inggeris para pelajar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Keputusan ujian EET ini akan memberi gamb kepada bakal majikan berkenaan keupayaan graduan dalam berbahasa Inggeris.

**EPT - *English Placement Test***

EPT ialah penilaian yang dijalankan sekali sahaja yang direka untuk menilai tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Ujian ini meng masa sekitar 1 jam 30 minit untuk diselesaikan yang terdiri daripada tiga subujian iaitu Mendengar, Memahami, Membaca Pemahama Petikan Tertutup (Listening, Comprehension, Reading Comprehension and Closed Passages). Pelajar yang mencapai markah 80 dan diberi pengecualian mengambil subjek ELC121.

**CGCT - *Collaborative Group Collaborative Teaching***

CGCT di APB merupakan sebuah program perintis yang menggalakkan kerjasama antara pensyarah dalam melaksanakan pengajara pembelajaran. Program ini bermula dengan skala kecil di peringkat fakulti, yang kemudiannya berkembang ke seluruh UiTM Malaysia bantuan dan arahan daripada barisan Pengurusan Eksekutif APB dan ahli pengurusan.

**SULAM - *Service-Learning Malaysia University for Society***

Program SULAM merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidm komuniti yang melibatkan interaksi antara pelajar dengan masyarakat. Program ini juga menyokong Lonjakan Pendidikan Tinggi bagi r graduan yang holistik dan seimbang bagi memenuhi keperluan komuniti.

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_K01_KB02_20231_04 Further Guidelines for Candidates.pdf
2. F0048_K01_KB02_20232_Instructions for Candidates (1).pdf
3. F0048_K01_KB02_20233_Pekeliling_Akademik___2022___03___Pindaan_MyATP.pdf
4. F0048_K01_KB02_20234_Pekeliling_Akademik___2022___18___Garis_Panduan_Pengajaran_Kolaboratif_Di_Universiti_Teknolog
5. F0048_K01_KB02_20235_SIGNED_ LAPORAN_FORUM_SULAM_ESTETIKA_BAHASA_SELAMI_IDIOSINKRATIS_BUMI_BORNEO_overlay.pdf

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi melaksanakan objektif inisiatif yang dipiliih, Pengurusan Kanan PTJ telah melantik individu-individu berpengalaman dalam menguruskan inisiatif tersebut.

**EET - *English Exit Test***

Bagi melaksanakan EET, ia dipantau dan dikawal selia oleh seorang pengerusi dan dibantu oleh seorang penyelaras serta beberapa orang ahli yang dilantik oleh Pengurusan Kanan PTJ. Terdapat garis panduan yang disediakan bagi memudahkan pensyarah dan pelajar yang menduduki ujian ini. EET menggunakan Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) sebagai panduan untuk membuat soalan dan penilaian dalam menguji dan mengukur penguasaan bahasa Inggeris para pelajar.

**EPT - *English Placement Test***

Bagi memastikan EPT dapat dijalankan dengan teratur, Pengurusan Kanan PTJ telah melantik seorang pengerusi dan seorang Penyelaras serta dibantu oleh beberapa orang pengurus (PIC) untuk mengendalikannya. Pengurus bertanggungjawab membantu pensyarah yang terlibat (LIC) dengan memberi taklimat dan membuat kumpulan WhatsApp bagi memudahkan komunikasi sesama mereka. Selain itu carta alir pelaksanaan EPT juga disediakan sebagai rujukan. Antaranya carta alir untuk penyelaras, carta alir untuk Pengurus dan Pensyarah serta carta alir untuk bendahari yang bertangguungjawab menerima yuran EPT.

**CGCT - *Collaborative Group Collaborative Teaching***

Pengurusan Kanan PTJ di bawah Timbalan Dekan Akademik telah melantik 5 orang ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pembangunan projek Pengajaran Kolaboratif (CT). Mereka juga perlu memastikan modul yang dibangunkan mengikut peraturan dan polisi universiti serta dapat dilaksanakan di fakulti seterusnya mencapai objektif universiti. Pada masa yang sama jawatankuasa ini membantu fakulti dalam menyelesaikan sebarang masalah yang timbul semasa pelaksanaan projek.

**SULAM - *Service-Learning Malaysia University for Society***

Pengurusan Kanan PTJ melaksanakan objektif dan inisiatif strategik ini dengan memilih kod-kod kursus yang bersesuaian yang boleh dijadikan SULAM serta menjemput panel penceramah yang berkelayakan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepelbagaian bahasa etnik yang terdapat di Malaysia. Selain itu, program ini dijalankan untuk menggalakkan usaha mengekal, memartabat dan melindungi bahasa etnik-etnik minoriti di Malaysia. Selain siri webinar, SULAM di APB juga melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan instruksional pembelajaran media interaktif berkaitan cerita rakyat yang dijalankan di sekitar wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_K01_KB03_20231_EET Report.pdf
2. F0048_K01_KB03_20232_Penyelaras English Placement Test Ufuture, Akademi Pengajian Bahasa (APB) 2020-2022.pdf
3. F0048_K01_KB03_20233_AJK Penilai Collaborative Teaching.pdf
4. F0048_K01_KB03_20234_CIK ATALIA MAE ALBERT JAUA.pdf
5. F0048_K01_KB03_20235_PROF DR STEPHANIE PILLAI.pdf

# PEMBELAJARAN (LEARNING)*

## 1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memantau inisitiaf-inisiatif tersebut, Pengurusan Kanan PTJ telah melakukan beberapa perkara berikut.

**EET - *English Exit Test***

Oleh kerana tiada program pengajaran dan pembelajaran yang khusus untuk EET, Pengurusan Kanan PTJ di bawah seliaan TDA telah mengarahkan ahli jawatankuasa EET untuk menyediakan sumber rujukan yang lengkap kepada para pelajar bagi membantu mereka bersedia untuk menjawab penilaian ini. Sumber rujukan yang disediakan tidak tertakluk kepada pelajar sahaja, malah sumber rujukan kepada pengawas peperiksaan juga telah disediakan oleh ahli jawatankuasa EET agar mereka dapat merujuk dan menjawab sebarang soalan daripada pelajar mengenai EET. Bahan sumber rujukan ini disimpan di dalam Google Drive dan akses kepada para pengawas peperiksaan dan pelajar diberikan sebelum mereka memulakan penilaian mereka

**EPT - *English Placement Test***

Pengurusan Kanan PTJ di bawah seliaan TDA menyediakan senarai arahan sebelum, semasa dan selepas kepada penyelaras, pengurus dan pensyarah yang terlibat dengan EPT sebagai rujukan mereka. Juga disediakan garis panduan kepada koordinator, pensyarah yang terlibat untuk mengawas peperiksaan serta garis panduan kepada pensyarah untuk menyemak status pendaftaran pelajar di uFuture. Penyelaras juga menyediakan arahan kepada calon melalui medium Telegram, WhatsApp dan e-mel.

**CGCT - *Collaborative Group Collaborative Teaching***

Bagi menggalakkan CGCT, Pengurusan Kanan PTJ menyediakan beberapa siri webinar dan menggalakkan setiap kod kursus membuat Pengajaran Kolaboratif untuk pemantapan kursus tersebut. CGCT juga telah dijadikan sebagai salah satu kriteria utama dalam myATP dan KPI bagi setiap pensyarah. Bagi tujuan pemantauan yg efisien, CGCT telah dipecahkan kepada beberapa unit iaitu: Collaborative Group 360 Video Learning, Collaborative Group Smart Classroom, dan Collaborative Group Collaborative Teaching. Setiap fakulti dalam UiTM juga mempunyai ahli jawatankuasa CGCT masing-masing yang bertindak selaku pemantau CGCT bagi peringkat fakulti.

**SULAM - *Service-Learning Malaysia University for Society***

SULAM telah dipantau pelaksanaannya oleh Koordinator Penerbitan dan Penyelidikan APB yang bertanggungjawab memastikan setiap program SULAM berjalan dengan lancar bermula daripada membentang kertas kerja sehingga pemilihan panel yang sesuai dengan tema. Bagi memastikan kejayaan SULAM, soal selidik sebelum dan selepas program telah disediakan untuk mendapatkan respons daripada pelajar dan penonton.

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_K01_KB04_KC01_20231_01 EET699 Examiners Guidelines 20224.pdf
2. F0048_K01_KB04_KC01_20232_Instructions for Penyelaras_ PICs_LICs EPT (1).pdf
3. F0048_K01_KB04_KC01_20233_Tutorial on How to Enroll into ELC121 Course Before EPT Registration.pdf
4. F0048_K01_KB04_KC01_20234_CG_Collaborative_Teaching_Slides_Oct_2022_The_Proces (1).pdf
5. F0048_K01_KB04_KC01_20235_LAPORAN FORUM SULAM SEMBANG KAMEK DAN KITAK BAH.docx.pdf

### 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**EET - *English Exit Test***

Oleh kerana penilaian EET ini melibatkan UiTM di seluruh Malaysia, proses mengenal pasti risiko EET perlu dititikberatkan supaya penilaian dapat dijalankan dengan lancar di semua cawangan UiTM. Antara risiko yang dikenal pasti dalam penilaian ini adalah capaian internet tidak stabil ketika penilaian dan risiko pelajar meniru ketika penilaian, oleh kerana penilaian ini dijalankan secara atas talian. Pengurusan Kanan APB telah mengarahkan supaya AJK EET menambah baik sistem EET, supaya risiko pelajar meniru dapat dikurangkan. Selain itu, AJK EET diarahkan untuk memberi taklimat kepada pengawas penilaian supaya pemantauan pelajar ketika penilaian dijalankan dapat dibuat dengan efisien.

**EPT - *English Placement Test***

Penilaian EPT juga dijalankan di semua cawangan UiTM seluruh Malaysia. Oleh kerana itu, risiko berkenaan perkongsian maklumat mengenai EPT, pendaftaran pelajar, dan perjalanan serta pemantauan EPT telah dikenal pasti. Bagi mengurangkan risiko ini, Pengurusan Kanan APB telah mengarahkan AJK EPT untuk memberi taklimat kepada fakulti di cawangan dengan lebih awal, dan taklimat perlu direkod untuk memudahkan pengawas EPT di cawangan. Selain itu, Pengurusan Kanan APB juga telah mengarahkan AJK EPT untuk mengadakan satu medium khas seperti WhatsApp atau Telegram untuk memudahkan proses perkongsian maklumat mengenai EPT.

**CGCT - *Collaborative Group Collaborative Teaching***

Pengurusan Kanan APB memastikan setiap borang pendaftaran perlu mendapatkan kelulusan daripada KPP atau KPK dan TDA. Setiap kumpulan perlu melampirkan bukti seperti surat jemputan panel, poster, biodata panel jemputan, laporan kehadiran pelajar dan pautan pelantar yang digunakan untuk sesi tersebut serta tangkap layar sesi CGCT. Panel jemputan perlulah individu yang berkepakaran, pemain industri dan pensyarah UiTM.

**SULAM - *Service-Learning Malaysia University for Society***

Pengurusan Kanan APB mengarahkan mana-mana kod kursus yang ingat terlibat dengan SULAM perlu menyediakan kertas kerja untuk di bawa ke mesyuarat pengurusan bagi mendapatkan kelulusan menjalankan program. Selain daripada itu, ia bertujuan untuk mengenal pasti panel yang diundang berkelayakan dan individu berkepakaran. Hal ini kerana, setiap panel akan menerima bayaran honorarium. Surat undangan sebagai panel penceramah juga akan diberi kepada panel jemputan.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_K01_KB04_KC02_20231_EET Report.pdf
2. F0048_K01_KB04_KC02_20232_01 EET699 Examiners Guidelines 20224 (1).pdf
3. F0048_K01_KB04_KC02_20233_CT1761-2022 LG240 TEAM A_Aini Akmar Mohd Kasim (1).pdf
4. F0048_K01_KB04_KC02_20234_Signed_LAPORAN PROGRAM FORUM SULAM KUMPULAN B.pdf
5. F0048_K01_KB04_KC02_20235_Surat Kelulusan Aktiviti_LG240 Nusantara Languages.pdf

### 1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan APB bertanggungjawab dalam memastikan setiap program dan kursus yang dijalankan melalui proses penambahbaikan. Ini penting supaya setiap objektif inisiatif menepati piawaian kualiti UiTM dan APB.

**EET - *English Exit Test***

Pengurusan Kanan meminta Pengerusi EET membuat analisis setiap semester keputusan EET pelajar bagi mendapatkan gambaran sebenar keperluan para pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris. Pada masa yang sama Pengerusi EET perlu menyediakan laporan pascanilai (post-mortem) bersama dengan UiTM Cawangan dan Jawatankuasa Teknikal EET, APB. Hasil pascanilai tersebut perlu dilaporkan dan dibentang kepada Pengurusan Kanan APB untuk dibuat penambahbaikan.

**EPT - *English Placement Test***

Pengurusan Kanan APB juga mengarahkan unit EPT untuk membuat analisis penilaian EPT untuk keperluan sebelum, semasa, dan selepas penilaian bagi mengenal pasti masalah yang timbul (jika ada). Selain itu, analisis keputusan pelajar dibentangkan kepada Pengurusan Kanan EPT. Unit EPT perlu menyediakan laporan penilaian EPT setiap semester bagi tujuan dokumentasi. Berdasarkan analisis, laporan pascanilai dan laporan yang disediakan oleh unit EPT, tindakan penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa.

**CGCT - *Collaborative Group Collaborative Teaching***

Kepimpinan Kanan menggalakkan semua pensyarah membuat CGCT bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh UiTM. Selain itu, Kepimpinan Kanan perlu meluluskan CGCT yang akan dibuat dengan meneliti borang pendaftaran. Hal ini bagi memastikan panel pembicara yang dijemput untuk CGCT adalah bersesuaian dengan tajuk dan kod kursus yang dipilih. Dengan meneliti borang pendaftaran tersebut, Pengurusan Kanan dapat membuat penambahbaikan pada masa akan datang dengan mencadangkan individu-individu berkepakaran, penglibatan industri secara serius dan sebagainya.

**SULAM - *Service-Learning Malaysia University for Society***

Kepimpinan Kanan APB meminta Penyelaras SULAM untuk membentangkan kertas kerja terlebih dahulu bagi tujuan meluluskan aktiviti yang akan dijalankan. Setelah aktiviti SULAM selesai, Penyelaras perlu melaporkan kepada Kepimpinan Kanan bagi tujuan melihat penambahbaikan yang boleh dibuat pada masa akan datang.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_K01_KB04_KC03_20231_EET Report.pdf
2. F0048_K01_KB04_KC03_20232_PELAPORAN PENYERTAAN DAN KUPUTUSAN UJIAN PENEMPATAN BAHASA INGGERIS (EPT) SESI 20224D DAN SESI 20232D.docx.pdf
3. F0048_K01_KB04_KC03_20233_MODEL_2_SAMPLE.pdf
4. F0048_K01_KB04_KC03_20234_LAPORAN FORUM SULAM KIRANA BAHASA_ MENGENAL PERMATA TERSEMBUNYI.pdf
5. F0048_K01_KB04_KC03_20235_LG243 SULAM Poster.pdf

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

### EET - *English Exit Test*

Bagi memastikan EET berjalan dengan lancar setiap semester di setiap cawangan, Pengurusan Kanan APB telah mengarahkan unit EET untuk mengadakan bengkel pemurnian dengan Koordinator dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) untuk memperbaiki sistem EET sedia ada. Dengan mengadakan pertemuan bersama Koordinator cawangan dan BHEA, unit EET akan dapat maklum balas yang lebih terperinci mengenai masalah yang timbul dan mendapatkan sokongan BHEA untuk menambah baik sistem EET. Selain itu, barisan Pengurusan Kanan juga mengarahkan supaya kajian dibuat dengan lebih mendalam mengenai keputusan EET pelajar. Ini adalah kerana masih terdapat pelajar yang mendapat keputusan yang rendah dalam penilaian ini. Kajian yang dijalankan akan membantu unit EET untuk mengenal pasti masalah pelajar, seterusnya membantu mereka untuk mendapatkan keputusan yang baik dalam penilaian EET.

### EPT - *English Placement Test*

Bagi membudayakan EPT di APB, Pengurusan Kanan APB telah mengarahkan unit EPT untuk memberi fokus kepada keberkesanan platform pelaksanaan ujian EPT, statistik lulus dan gagal setiap semester, serta penjanaan pendapatan kepada pihak APB. Bagi meningkatkan platform keberkesanan platform ujian EPT, Pengurusan Kanan telah mengarahkan unit EPT untuk mengadakan perjumpaan bersama penyelaras EPT kampus cawangan dengan lebih kerap, bagi memastikan setiap penyelaras peka, cakna, dan mahir dengan isu-isu berkenaan EPT. Selain itu, untuk memastikan penjanaan pendapatan EPT kepada pihak APB berjalan lancar, Pengurusan Kanan juga telah mengarahkan unit EPT untuk membuat perbincangan bersama pihak Bendahari UiTM untuk melancarkan proses pembayaran pendaftaran EPT bagi setiap pelajar.

### CGCT - *Collaborative Group Collaborative Teaching*

CGCT adalah program perintis APB yang telah pun dilaksanakan di peringkat seluruh UiTM, jadi barisan Pengurusan Kanan APB mengambil serius mengenai usaha untuk mengembangkan dan memastikan CGCT berjalan dengan lancar. Antara usaha Pengurusan Kanan APB adalah mengarahkan AJK CGCT untuk membuat webinar berkala mengenai CGCT, dan memastikan setiap fakulti di UiTM mempunyai wakil CGCT supaya pemantauan dapat dilaksanakan di peringkat fakulti masing-masing. Selain itu, Pengurusan Kanan APB juga menggalakkan para pensyarah untuk terlibat dalam CGCT ini dengan mengadakan satu kategori khas dalam sistem MyATP mengenai program ini. Dengan adanya kategori khas ini, ia memberi semangat lebih kepada para pensyarah untuk menyertai program ini.

### SULAM - *Service-Learning Malaysia University for Society*

Pengurusan Kanan PTJ menggalakkan penglibatan industri dalam SULAM agar dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pelajar dalam disiplin atau bidang masing-masing. Salah satu SULAM di APB adalah siri webinar yang membincangkan tentang bahasa-bahasa etnik Semelai, Melaka Portugis dan Jahai serta bahasa-bahasa yang wujud di negeri Sabah dan Sarawak. Webinar ini merupakan satu usaha untuk memberi pendedahan kepada bahasa-bahasa yang digunakan oleh masyarakat minoriti di semenanjung, Sabah dan Sarawak. Selain siri webinar, SULAM di APB juga melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan instruksional pembelajaran media interaktif berkaitan cerita rakyat yang dijalankan di sekitar wilayah Nakhon Si Thammarat, Thailand.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_K01_KB05_20231_01 EET699 Examiners Guidelines 20224 (1).pdf
2. F0048_K01_KB05_20232_Carta Alir EPT - October 2022 - Rujukan Bendahari.pdf
3. F0048_K01_KB05_20233_Analysis - Result, Attendance, Registration, Invoice Cancellation - Sem 20224D (Oct 2022).xlsx - Google Sheets.pdf
4. F0048_K01_KB05_20234_CG_Collaborative_Teaching_Slides_Mac_2023.pdf
5. F0048_K01_KB05_20235_LG240 SULAM Poster.pdf

# KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

## 2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan penyampaian aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) kepada para pelajar Akademi Pengajian Bahasa (APB) yang berkesan, cara kerja yang dirancang dan dilaksanakan di APB ialah mengikut **PDCA (Plan, Do, Check, Act)**. Pihak APB akan sentiasa berbincang dan mnembuat bengkel perancangan strategik utk membincangkan *Performance Indicator* (PI) yang telah dirancang dan disediakan oleh UiTM. Pelbagai projek dan aktiviti telah dirancang oleh pihak APB untuk peningkatan prestasi akademik APB itu sendiri. APB juga tidak mengambil keputusan untuk memenuhi HETVET yang dicadangkan dalam kerangka UiTM. TVET ini skop sangat luas. Secara tidak langsung apabila APB seiring dengan kehendak UiTM iaitu HETVET @ UiTM maka APB juga dapat melahirkan pekerja yang mahir dan separa mahir bagi memenuhi permintaan tenaga pekerja dalam bidang-bidang yang berkaitan teknikal dan vokasional.

**2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Objektif dan inisiatif yang telah telah dirancang bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

a) TVET @ APB untuk memastikan APB mempunyai program yang bersesuaian bagi memenuhi cadangan HETVET dalam kerangka UiTM.

b) Untuk memastikan peratus pelajar sarjana muda yang tamat belajar dalam masa yang ditetapkan (GOT) mencapai target yang telah ditetapkan iaitu 80%

c) Untuk memastikan pelajar yang terlibat dalam pertukaran dalam dan luar negara mencapai target yang telah ditetapkan.

d) Untuk memastikan 4 MOOC yang baru dan 1 *Micro Credential* akan diterbitkan.

e) Untuk memastikan pendaftaran pelajar tempatan dalam program sarjana mencapai 150 orang pelajar.

f) Untuk memastikan pendaftaran pelajar tempatan dalam program Doktor Falsafah (PhD) mencapai 76 orang pelajar.

g) Untuk memastikan pendaftaran pelajar antarabangsa dalam program lepasan ijazah mencapai 70 orang pelajar.

h) untuk meningkatkan MOU/MOA dengan 10 universiti antarabangsa.

i) untuk memastikan 2 MOU/MOA yang baru dengan universiti antarabangsa yang termasuk dalam T*op 300 QS World Ranking.*

j) untuk memastikan 2 MOU/MOA yang baru dengan universiti antarabangsa yang termasuk dalam T*op 300 QS World* berdasarkan subjek.

k) untuk memastikan 6 program atau aktiviti antarabangsa bagi MoU/MoA semasa yang masih aktif.

**SENARAI BUKTI:**

1.
2.
3.
4.
5.

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

HETVET @ UiTM ialah salah satu usaha UiTM dalam menjadikan UiTM seiring dengan arus perdana dan meluaskan capaian kepada TVET yang berkualiti untuk memenuhi keperluan industri. Akademi Pengajian Bahasa (APB) juga tidak ketinggalan untuk seiring dengan hasrat dan aspirasi universiti dan negara setelah UiTM juga turut mengambil langkah memperkenalkan ‘ *High–End Technical and Vocational Education and Training UiTM* (HETVET@UiTM)’.

Pelajar-pelajar APB ini juga sentiasa diperlukan dalam pelbagai sektor ekonomi dan secara tidak langsung mereka dijangkakan akan memperoleh manfaat yang besar dalam pembangunan TVET tersebut. Hal ini seiring dengan pelbagai projek yang telah dirancang oleh pihak APB.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_P01_PB03_20231_BENGKEL EXCEL & HETVET.pdf
2.
3.
4.
5.

# PEMBELAJARAN (LEARNING)*

## 2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

- Pelan ni dipantau menerusi pemantauan berterusan oleh Dekan dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti sejajar dengan permintaan pihak universiti
- Semua pihak yang dilantik menunjukkan prestasi yang baik menerusi penglibatan mereka dalam projek yang dirancang
- Pihak BTU juga menggalakan pelaporan dibuat secara berkala iaitu dalam setiap 3 bulan - oleh itu perkembangan projek yang dirancang dan dijalankan

**SENARAI BUKTI:**

1.
2.
3.
4.
5.

### 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

- Risikonya dalam bidang penyelidikan, ramai pensyarah masih kurang aktif dalam penyelidikan
- Mengenal pasti risiko dan merancang cara mengatasai, misalnya penyelidikan yang kurang memberangsangkan, pihak PTJ mengadakan seminar berkenaan penulisan jurnal, artikel, mengadakan sesi perkongsian antara pensyarah yang berpengalaman kepada yang kurang berpengalaman dlm bidang penyelidikan

**SENARAI BUKTI :**

1.
2.
3.
4.
5.

### 2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak APB sentiasa memantau perkembangan kemajuan semua projek yang dirancang untuk penambahbaikan.

- mesyuarat diadakan secara berkala untuk memantau perkembangan projek.

- Pelan mitigasi akan dilaksanakan untuk membantu para pelajar.

- Para pelajar dapat bergraduat mengikut masa sebenar (*graduate on time - GOT)*

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_P01_PB04_PC03_20231_Pelajar GOT.pdf
2. 
3. 
4. 
5. 

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Terutama dari aspek penyelidikan,  telah ada nampak perubahan dari segi kesedaran kepentingan menjalankan penyelidikan apabila telah diadakan seminar atau sesi perkongsian ilmu

Bagi pengajaran dan pembelajaran - program SULAM dijalankan agar pelajar boleh mengaitkan ilmu yang dipelajari dengan kehendak masyarakat.

**SENARAI BUKTI :**

1.
2.
3.
4.
5.

# KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

## 3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

## 3.0 PENGENALAN

**Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, untuk memastikan pelanggan yang terlibat berpuas hati dengan setiap program yang dijalankan. Setiap keperluan pelanggan dan penambahbaikan sentiasa dilakukan di peringkat fakulti melalui bidang Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni. Tumpuan pelanggan difokuskan kepada pelajar, pihak universiti luar dan dalam negara, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan dan sebagainya.**

**Demi memastikan pelanggan yang terlibat berpuas hati dengan setiap program yang dijalankan, pelbagai usaha yang berkaitan dengan keperluan pelanggan telah dilakukan oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.**

## 3.1 KUMPULAN SASAR DALAM BIDANG TUMPUAN

**Kelompok kumpulan sasar dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan melibatkan kumpulan pelajar, pihak universiti dalam dan luar negara, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan dan sebagainya. Sebarang permasalahan dan aduan dari pelanggan diambil berat dan dibawa berbincang di peringkat tertinggi pengurusan fakulti. Hal ini bagi membolehkan tindakan penambahbaikan boleh dilakukan pada masa hadapan.**

### 3.1.1 Mengenal Pasti Kumpulan Sasar

**Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam telah menggunakan pelbagai kaedah untuk memastikan program-program berjalan dengan baik. Setiap program yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan supaya selari dengan misi dan visi akademi sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang cakna dengan kehendak pemegang taruh. Jadual 3.1 menunjukkan cara kumpulan sasar dikenal pasti.**

**Jadual 3.1 Mengenalpasti Kumpulan Sasar**

**BIL**

**PROJEK**

**SASARAN**

**PENGENALPASTIAN KUMPULAN SASAR**

**1**

**Higher Education English Language Carnival (HE ELCA 2022)**

**Pelajar UiTMSA, staf UiTMSA, Universiti Islam Antarabangsa dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)**

- **Kumpulan sasaran dikenal pasti berdasarkan kriteria yang diminta oleh pihak**

**penganjur, Universiti Islam Antarabangsa dan Pengajian Tinggi (JPT). Tujuan mengikuti program ini ialah untuk mencabar kebolehan pelajar APB di peringkat negara dan industri, meluaskan rangkaian universiti dan mendapat pengalaman yang bermakna.**

**2**

**Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM.**

**Pegawai pentadbiran dan pengurusan APB, UITMSA**

**20 Alumni APB**

- **Sasaran kumpulan dikenal pasti berdasarkan bidang pekerjaan para alumni APB untuk memberi maklum balas dari pihak industri untuk memastikan program pendidikan yang ditawarkan tetap memenuhi keperluan industri. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk para alumni memberi pandangan mereka mengenai cadangan kerjasama dengan pihak APB untuk program latihan amali pelajar dan pembelajaran. Melalui program ini, kerjasama dengan pihak industri tercapai.**

**3**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)**

**Hal Ehwal Bahagian Pelajar (HEP), APB, UiTMSA**

**Pelajar APB**

- **Kumpulan sasaran dikenal pasti berdasarkan keperluan pelajar APB dan HEP dalam memastikan prestasi akademik mereka dibalik pulihkan. Program ini bertujuan untuk melibatkan kalangan pelajar yang mempunyai Purata Nilai Gred bawah daripada 2.50 yang dilihat perlu diberikan motivasi supaya mereka mampu bangkit semula dan berjaya di dalam akademik.**

**3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

**Dengan mengambil kira keperluan dan kehendak kumpulan sasar, pihak Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dapat memberikan tumpuan yang lebih baik kepada pelanggan. Kaedah dan cara melaksanakan telah dikenal pasti melalui pengumpulan maklumat yang dilakukan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan oleh fakulti.**

**Jadual 3.2 Kebaikan Pelaksanaan Kepada Kumpulan Sasar**

**PROJEK**

**KUMPULAN**

**SASARAN**

**KEBAIKAN DAN GANJARAN**

**Higher Education English Language Carnival (HE ELC 2022)**

**Pelajar UiTMSA**

- **Pembelajaran yang dipelajari melalui teori dapat dipraktikkan secara langsung dengan situasi sebenar semasa program berlangsung.**
- **Menerima pendedahan tandingan di peringkat negara**
- **Meluaskan rangkaian sosial bersama pelajar-pelajar daripada universiti lain di peringkat negara.**

**Staf UiTMSA**

- **Kepakaran dioptimumkan melalui khidmat nasihat dan cara bekerja yang lebih efisien.**
- **Dapat berkongsi ilmu pengetahuan di luar sesi pengkuliahan.**
- **Dapat meluaskan rangkaian sosial dengan bekerjasama dengan pihak ahli jawatankuasa Universiti Islam Antarabangsa dan Jabatan Pengajian Tinggi.**

**Industri (Universiti Islam Antarabangsa dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT))**

- **Meningkatkan kesedaran tentang peluang yang lebih besar yang boleh diceburi dalam sektor pendidikan**

**Jamuan Minum Petang (Hi-tea) Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM.**

**Staf APB UiTMSA**

- **Berpeluang untuk meluaskan rangkaian sosial bersama alumni yang sedang bekerja dalam pelbagai bidang dan industri.**

**Industri**

- **Berpeluang untuk mengungsi pandangan and ilham untuk menambah baiki program pendidikan pelajar universiti.**

- **Meningkatkan imej syarikat dalam bidang korporat melalui kehadiran mereka.**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)**

**Pelajar APB**

**Hal Ehwal Bahagian Pelajar (HEP), APB, UiTMSA**

- **Pelajar berpeluang untuk memahami potensi mereka dengan lebih mendalam.**

- **Pelajar dapat meningkatkan penguasaan bahasa-bahasa yang mereka pelajari dengan lebih mendalam.**
- **Di samping itu, pelajar diberi bimbingan yang tepat untuk mengatasi cabaran yang menghalang mereka daripada berjaya dalam hal akademik.**

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_T01_TB02_20231_HIGHER EDUCATION ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL 2022 (ELCA).pdf
2. F0048_T01_TB02_20232_KERTAS KERJA KENALI POTENSI DIRI (KPD) (2).pdf
3. F0048_T01_TB02_20233_Kertas Kerja Hati ke Hati Bersama Alumni (1).pdf
4.
5.

**3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

**Berdasarkan kerjasama yang telah dilakukan oleh pihak Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dengan pihak industri, keperluan setiap kumpulan sasaran dapat dikenal pasti berdasarkan objektif yang disenaraikan bagi setiap program. Jadual 3.3 menunjukkan keperluan yang telah dikenal pasti.**

**Jadual 3.3 Penentuan Keperluan Kumpulan Sasar**

**PROJEK**

**KUMPULAN SASARAN**

**PENENTUAN KUMPULAN SASAR**

**Higher Education English Language Carnival (EH ELC 2022)**

**Pelajar UiTMSA**

- **Pembelajaran yang diperolehi semasa proses penyedia dan pembelajaran berlangsung sukar dipraktiskan dalam situasi sebenar. Oleh itu, ketika berlansungnya program ini, pelajar dapat mengaplikasikan segala input yang dipelajari secara praktikal.**

**Staf UiTMSA**

- **Kepakaran tidak terhad kepada dalam sesi penyediaan dan sesi pelatihan pelajar. Staf terlibat berjaya meluaskan rangkaian sosial universiti dengan bekerjasama bersama pihak Universiti Islam Antarabangsa dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) ketika program ini dijalankan.**

**Industri**

- **Melalui program ini, pihak indurstri boleh menerima pandangan dan pendapat pelajar dan ahli akademik demi meningkatkan kualiti kerja di masa akan datang.**

**Jamuan Minum Petang (Hi-tea) Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM**

**Staf APB UiTMSA**

- **Ruang skop pengaran dan meningkatkan ilmu tentang keperluan industri terhap kepada staf APB UiTMSA sahaja. Melalui program ini, para ahli akademi berpeluang mengenali pihak alumni yang berkerja dengan industri yang berpotensi dalam jangka masa panjang untuk menjadi rakan strategik kepada APB UiTMSA.**

**Industri**

- **Pihak alumni yang bekerja dalam pelbagai industri diberi peluang untuk memperluaskan “networking circle” dengan pihak universiti yang berpotensi untuk menjalankan program program tanggungjawab sosial korporat dan program akademik yang berpontesi untuk meningkatkan nama baik industri.**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)**

**Hal Ehwal Bahagian Pelajar (HEP), APB, UiTMSA**

- **Bahagian HEP diberikan peluang yang lebih luas untuk membantu pelajar dalam mengatasi isu peribadi yang menghalang mereka daripada mencapai keputusan yang bagus untuk pencapaian akademik.**
- **Mereka juga diberikan peluang untuk memahami keperluan pelajar dan menyumbangkan kepakaran dan kemahiran mereka dalam memotivasikan pelajar untuk meneruskan perjuangan mereka dalam mencapai keputusan yang bagus dalam hal akademik.**

**Pelajar Akademi Pengajian Bahasa**

- **Pelajar dapat berkongsi masalah dengan selamat dengan pihak HEP.**
- **Pelajar didedahkan dengan teknik yang baik untuk membantu mereka dalam mengatasi isu-isu yang menghalang mereka daripada mencapai keputusan yang bagus untuk akademik. .**

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_T01_TB03_20231_Kertas Kerja Hati ke Hati Bersama Alumni (1).pdf
2. F0048_T01_TB03_20232_KERTAS KERJA KENALI POTENSI DIRI (KPD) (2).pdf
3. F0048_T01_TB03_20233_HIGHER EDUCATION ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL 2022 (ELCA).pdf
4. 
5. 

# PEMBELAJARAN (LEARNING)*

## 3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

**Peranan yang dimainkan oleh kumpulan sasar dalam memastikan program ini berlangsung dengan baik dilihat sangat penting. Hal ini kerana pihak kumpulan sasar banyak membantu dalam memastikan pembangunan dalam bidang jaringan industri dan keusahawanan berkembang dengan lebih baik. Jadual 3.4 menunjukkan penglibatan kumpulan sasar dalam program yang telah dijalankan.**

**KUMPULAN**

**SASAR**

**PROGRAM**

**PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR**

**Pelajar**

**Higher Education English Language Carnival (EH ELC 2022)**

- **Para pelajar dapat mempraktikkan segala kemahiran berbahasa yang dipelajari dalam sesi latihan dan dalam situasi sebenar semasa program berlangsung.**

**Staf**

**Higher Education English Language Carnival (EH ELC 2022)**

- **Membantu dalam menguruskan program supaya berjalan dengan lancar.**
- **Memberikan pendedahan kepada pelajar tentang pembelajaran di luar bilik darjah.**

**Jamuan Minum Petang (Hi-tea) Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM**

- **Memberikan input dan maklumat kepada para alumni APB yang mengikuti jamuan tentang peluang kerjasama dengan pihak universiti untuk korporat mereka.**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)”**

- **Mendapat peluang untuk membantu pelajar dalam mengatasi isu-isu yang menghalang mereka daripada mencapai keputusan akademik yang bagus.**

**Industri**

**Higher Education English Language Carnival (EH ELC 2022)**

- **Pihak industri telah memberikan kerjasama semasa program berlangsung dengan memastikan informasi yang diberi adalah tepat.**

**Jamuan Minum Petang (Hi-tea) Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM**

- **Pihak alumni yang bekerja dalam pelbagai bidang dan industri dapat memperluaskan “networking” mereka dengan pihak universiti. Ini secara tidak langsung membantu**

**staf akademik untuk lebih bersedia dalam menyediakan modul yang bersesuaian.**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)**

- **Para pelajar mendapat ilmu dalam menguruskan emosi dan didedahkan dengan teknik yang betul untuk mengatasi isu-isu peribadi. Dengan secara tidak langsung, ini juga akan membantu pelajar bila mereka bekerja dengan industri. Prestasi mereka di tempat kerja juga akan menaikkan nama baik universiti.**

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_T01_TB04_TC01_20231_Kertas Kerja Hati ke Hati Bersama Alumni (1).pdf
2. F0048_T01_TB04_TC01_20232_KERTAS KERJA KENALI POTENSI DIRI (KPD) (2).pdf
3. F0048_T01_TB04_TC01_20233_HIGHER EDUCATION ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL 2022 (ELCA).pdf
4.
5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**<u>SENARAI BUKTI :</u>**

1.
2.
3.
4.
5.

### 3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**<u>SENARAI BUKTI :</u>**

1.
2.
3.
4.
5.

## 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Kepimpinan Kanan mengambil berat terhadap maklum balas yang diterima setiap kali program berlangsung. Setiap kepuasan dan ketidakpuasan hati pelanggan diukur dengan menggunakan borang soal selidik (Rujuk Jadual 3.5) dan akan diterangkan dengan terperinci sebagaimana Jadual 3.6 berikut.**

**Jadual 3.5 Pengukuran Kepuasan dan Ketidakpuasan Pelanggan**

**PROGRAM**

**KAEDAH PENGUKURAN**

**Higher Education English Language Carnival (EH ELC 2022)**

- **Soal selidik telah diterima dan diberi pulang kepada pihak yang bertanggungjawab.**

**Jamuan Minum Petang (Hi-tea) Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM**

- **Soal selidik telah diedarkan selepas program berlangsung kepada pihak alumni dan pihak lain yang terlibat.**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)”**

- **Soal selidik telah diedarkan selepas program berlangsung kepada pelajar dan pihak yang terlibat.**

**Jadual 3.6 Tindakan Kepimpinan Kanan Kepada Maklum Balas Pelanggan**

**PROGRAM**

**KEPUASAN DAN**

**KETIDAKPUASAN**

**MEKANISMA**

**TINDAKAN**

**Higher Education English Language Carnival (EH ELC 2022)**

**Pihak APB berpuas hati dengan cara program tersebut dijalankan.**

**Soal selidik**

**Maklum balas yang diterima diproses dan dibincangkan dalam usaha melakukan penambahbaikkandi masa hadapan.**

**Jamuan Minum Petang (Hi-tea) Hati Ke Hati Bersama Alumni APB, UiTM**

**Pihak alumni sangat berpuas hati dengan jamuan yang dianjurkan dan berminat untuk meneruskan program ini di masa akan datang.**

**Soal selidik**

**Pihak APB UiTMSA sentiasa bersedia untuk menerima cadangan dari pihak alumni untuk menambahkan ilmu untuk menambah baiki program pendidikan untuk memenuhi keperluan industri.**

**Program Kenali Potensi Diri (KPD)**

**Pelajar yang menghadiri program ini memberikan respond yang sangat memberangsangkan dan pihak HEP berjanji akan mengadakan program seperti ini di masa hadapan.**

**Soal selidik**

**Pihak HEP APB sentiasa memantau perkembangan pelajar program ini dari masa ke masa dan berusaha untuk meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran ke arah lebih baik.**

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_T01_TB05_20231_Kertas Kerja Hati ke Hati Bersama Alumni (1).pdf
2. F0048_T01_TB05_20232_KERTAS KERJA KENALI POTENSI DIRI (KPD) (2).pdf
3. F0048_T01_TB05_20233_HIGHER EDUCATION ENGLISH LANGUAGE CARNIVAL 2022 (ELCA).pdf
4.
5.

# KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

## 4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuhan APB dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sentiasa menjadi tonggak dan sangat dititikberatkan oleh barisan pengurusan APB serta pensyarah. Hal ini kerana, setiap pelajar berhak untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Oleh yang demikian, pelbagai usaha serta tindakan yang diambil untuk memastikan setiap proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

APB mempunyai 9 program pada peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah :

1. Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional
2. Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional
3. Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional
4. Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Inggeris Komuniasi Antarbudaya
5. Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional
6. Sarjana Komunikasi Profesional
7. Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan (Coursework)
8. Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan (Penyelidikan)
9. Doktor Falsafah Pengajian Gunaan (Penyelidikan)

Bagi mengukur prestasi pengajaran dan Pembelajaran, Akademi Pengajian Bahasa menumpukan perancangan berdasarkan aspek-aspek ini:

1. KPI Akademik - memastikan program-program di Akademi Pengajian Bahasa mencapai

a. HPNG pelajar graduat melebihi 3.5 > 5%

b. Pelajar gagal <3%

c. Anugerah Naib Canselor > 1%

d. Anugerah Dekan > 10%

2. Kaedah pengajaran dan pembelajaran – APB menggalakkan pengajaran secara Kolaboratif dan Sulam bagi menjayakan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

3. Penilaian dan Pengujian English Exit Test dan English Placement Test di seluruh sistem UiTM

Melalui aspek pelaksanaan, Akademi Pengajian Bahasa akan menumpukan dan memantapkan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai perancangan yang telah ditentukan dan juga mencapai objektif kualiti APB. Setiap program LG akan dijalankan semakan kurikulum setiap 3-5 tahun sekali dan juga semakan kod khidmat yang melibatkan bahasa Inggeris, Bahasa Asia dan Eropah serta Bahasa Melayu di seluruh sistem UiTM.

Tindakan penambahbaikan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran juga akan dilakukan oleh setiap program dan juga kod-kod khidmat.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan yang digunakan oleh APB untuk mengukur pencapaian bidang pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada pelajar dan pensyarah iaitu :

1) Pengajaran Kolaboratif *(Collaborative Teaching)*

Seiring dengan perkembangan teknologi zaman kini, proses pembelajaran tidak hanya dilaksanakan secara tradisional yang melibatkan pensyarah dan pelajar sahaja. Oleh yang demikian, pengajaran kolaboratif yang juga dikenali sebagai *team teaching* atau *co-teaching* diperkenalkan. Pendekatan pengajaran ini melibatkan beberapa orang tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah dan rakan industri bersama beriringan untuk memudahcara pengajaran, mendidik, membimbing dan melatih pelajar bagi memperkasa pembelajaran kendiri pelajar.

Setiap tenaga pengajar boleh memilih untuk menggunakan model yang terdiri dari kaedah kolaborasi dalam membangunkan kandungan, kolaborasi dalam menyampaikan pengajaran serta kolaborasi dalam membangunkan dan melaksanakan pentaksiran. Terdapat tujuh (7) kaedah yang boleh dijadikan model pengajaran kolaboratif.

Model 1: Isi Kandungan

Model 2: Penyampaian

Model 3: Penilaian

Model 4: Isi Kandungan dan Penyampaian

Model 5: Isi Kandungan dan Penilaian

Model 6: Penyampaian dan Penilaian

Model 7: Isi Kandungan, Penyampaian dan Penilaian

2) SULAM

SULAM adalah singkatan nama bagi *Service Learning Malaysia-University for Society* yang merupakan kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang ilmu,kemahiran dan kompetensi bidang mereka dalam menyelesaikan masalah atau isu masyarakat/komuniti.

Ianya menyokong Lonjakan Pendidikan Tinggi bagi melahirkan graduan yang holistik, seimbang dengan minda keusahawanan. SULAM juga adalah salah satu elemen yang mencirikan sesuatu kurikulum itu mempunyai Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi *(High Impact Educational Practices)* yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2016.

Objektif SULAM ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pelajar dalam disiplin atau bidang masing-masing dan juga membantu pembentukan kemahiran insaniah abad ke-21.

3) *English Exit Test*

*EET* merupakan ujian yang perlu diduduki oleh semua pelajar ijazah sarjana muda sebelum bergraduat. Perkara ini telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bermula dari pengambilan pelajar sesi Mac 2015 dan ke atas. Pelajar yang layak adalah pelajar yang telah lulus semua kursus Bahasa Inggeris dalam pelan pengajian dan dengan kelulusan oleh Dekan/Rektor masing-masing.

Pelajar boleh mendaftar untuk menduduki ujian ini dengan menggunakan kod kursus EET699 dalam tempoh pendaftaran kursus setiap semester melalui iStudent Portal.

Penilai EET699 terdiri daripada pensyarah Bahasa Inggeris APB dan mereka terlibat secara langsung dengan bengkel penandaan ujian serta pemberian markah pelajar. Pelajar yang gagal dalam EET699 akan ditahan daripada bergraduat dan dikendaki mengulang kursus ini sehingga lulus.

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_A01_AB02_20231_LAPORAN PENGAJARAN KOLABORATIF.pdf
2. F0048_A01_AB02_20232_Aktiviti Sulam Akademi Pengajian Bahasa Tahun 2022.pdf

## 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1) Pengajaran Kolaboratif

Statistik pada tahun 2022 menunjukkan 39 kumpulan tenaga pengajar APB telah melaksanakan pengajaran kolaboratif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Jumlah ini sekaligus meletakkan APB di tempat yang ke-tiga daripada 20 fakulti/pusat pengajian di UiTM. Perkara ini menunjukkan komitmen serta kesungguhan pensyarah APB untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi menarik serta tidak terhad hanya mengikut cara tradisional sahaja. Selain itu, pengajaran kolaboratif ini akan memberikan nilai tambah kepada pensyarah semasa mengisi Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

Model 2 yang melibatkan penyampaian kandungan kuliah daripada pensyarah lain atau pakar bidang daripada industri mencatatkan peratusan pemilihan model tertinggi berbanding model-model yang lain. Sesi penyampaian kuliah atau perbincangan daripada pakar bidang ini akan membuatkan para pelajar lebih bersemangat sekaligus memberikan nafas baru dalam sesi pembelajaran mereka.

2) SULAM

Projek SULAM yang dilaksanakan haruslah menepati sekurang-kurangnya satu CLO daripada hasil pembelajaran kursus yang dipilih. Terdapat beberapa kriteria yang perlu ditikberatkan oleh pensyarah dan pelajar apabila ingin mengaplikasikan SULAM dalam pembelajaran mereka.

Antara kriteria yang perlu ditekankan ialah setiap projek yang perlu berkait rapat dengan disiplin atau bidang program akademik tersebut. Selain itu, projek ini sekurang-kurangnya mininum 20jam bagi satu-satu semester termasuk pra persediaan, pelaksanaan dan pentaksiran.

Berikut merupakan contoh projek SULAM yang telah dilaksanakkan di APB.

a) Kirana Bahasa : Mengenal Permata Tersembunyi

- Program ini berbentuk forum yang bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang penggunaan bahasa asli, etnik dan minoriti di Semenanjung Malaysia yang berfokus kepada tiga bahasa iaitu Bahasa Jahai, Melaka Portugis dan Semelai

b) Sembang Kamek dan Kitak Bah

- Bual bicara yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kewujudan bahasa minoriti di Sabah dan Serawak iaitu bahasa Kadazan, Iranun dan Bugis.

*3) English Exit Test*

Bagi memastikan keseragaman dalam penandaan EET699, APB telah menganjurkan bengkel tanda aras pada setiap semester untuk memastikan penilai yang terdiri daripada pensyarah APB mencapai keseragaman semasa memberikan markah EET699.

Selain itu, latihan semula para pensyarah yang telah dan bakal menanda kertas ujian EET699 adalah amat penting untuk memastikan keberkesanan dan validasi ujian. Keseragaman adalah aspek yang dititikberatkan sepanjang bengkel ini berlangsung untuk mengekalkan piawaian dan standard ujian ini.

Pelaksanaan bengkel tanda aras dan keserataan ini merupakan satu elemen pengukuran keberkesanan yang penting dalam pelaksaan EET untuk memantapkan proses pemarkahan kertas jawapan EET *Speaking* dan *Writing* berjalan dengan lancar.

Pada tahun 2022, seramai 514 calon pelajar APB telah menduduki EET699 dan lulus dengan cemerlang penilaian ini.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_A01_AB03_20231_LAPORAN PENGAJARAN KOLABORATIF.pdf
2. F0048_A01_AB03_20232_Contoh Poster Projek SULAM.pdf

# PEMBELAJARAN (LEARNING)*

### 4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Selain daripada pengajaran kolaboratif, projek SULAM dan *English Exit Test* yang menjadi tumpuan pelajar dan pensyarah di APB, terdapat juga elemen lain yang dititikberatkan oleh bahagian Akademik APB untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lancar. Antaranya ialah :

1) Taklimat Pelajar

Pelbagai jenis taklimat pelajar diadakan di APB untuk memastikan setiap maklumat yang diterima oleh pelajar sahih dan tepat. Berikut merupakan antara contoh taklimat pelajar yang dilaksanakan di APB.

a) Taklimat Pelajar Semester 1 :

Taklimat ini kebiasaannya dilaksanakan pada minggu pertama setiap semester untuk memberikan penerangan berkaitan dengan pelan pengajian, pendaftaran subjek serta perincian untuk setiap aktiviti dan program yang boleh disertai oleh pelajar.

b) Perjumpaan Pelajar Semester 4

Perjumpaan pelajar semester 4 adalah untuk memastikan penulisan ilmiah yang bakal dilaksanakan oleh pelajar memehuni kriteria pemarkahan yang telah ditetapkan oleh pihak APB. Setiap masalah dan persoalan yang ditimbulkan oleh pelajar akan diselesaikan supaya pelajar mampu menghasilkan penulisan ilmiah dengan baik.

c) Perjumpaan Mentor Mentee

Perjumpaan Mentor Mentee juga dilaksanakan sekurang kurangnya sekali satu semester untuk memastikan setiap pelajar sentiasa bersemangat dalam menjalani kehidupan pelajar mereka. Setiap pelajar yang mempunyai masalah akan diberikan nasihat untuk mendapatkan jalan penyelesaian yang terbaik tanpa menjejaskan pembelajaran pelajar tersebut.

Penasihat akademik juga akan mengingatkan pelajar untuk memastikan pencapaian akademik mereka cemerlang serta mampu untuk bergraduat mengikut masa yang ditetapkan.

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_A01_AB04_AC01_20231_Perjumpaan Mentor Mentee.pdf
2. F0048_A01_AB04_AC01_20232_Taklimat Pelajar.pdf

### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap taklimat serta perjumpaan pelajar yang dikendalikan oleh APB adalah untuk memastikan setiap pelajar dapat bergraduat tepat pada masanya tanpa sebarang masalah atau halangan.

Analisis prestasi keseluruhan keputusan dilaksanakan setiap tahun untuk memastikan pelajar APB mencapai standard pelajar yang cemerlang. Pada tahun 2022, 90.61% pelajar berjaya bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT) dan melepasi KPI yang telah ditetapkan oleh universiti.

Selain itu, APB juga telah mencapai KPI Akademik yang telah disasarkan oleh UiTM iaitu :

- HPNG pelajar graduat melebihi 3.5 > 5% : APB berjaya mencapai 20.67%
- Pelajar gagal <3% : Peratus pelajar gagal APB hanya 0.24%
- Anugerah Naib Canselor > 1% : Pencapaian APB ialah 7.82%
- Anugerah Dekan > 10% : APB memperoleh 39.78% pelajar dekan.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_A01_AB04_AC02_20231_Pencapaian KPI Akademik.pdf

### 4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap hasil yang cemerlang ini melibatkan usaha pensyarah APB yang sentiasa memberikan komitmen tinggi dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Hal ini kerana, setiap pensyarah akan memastikan penyampaian kuliah dapat dijalankan dengan berkesan. Selain itu, terdapat beberapa kaedah yang dilaksanakan oleh para pensyarah untuk memastikan pencapaian KPI Akademik APB pada tahap yang cemerlang.

1) Mesyuarat Jabatan

- Mesyuarat jabatan dilaksanakan pada setiap permulaan semester untuk memastikan para pensyarah bersedia dengan tugas masing-masing. Perbincangan berkaitan hala tuju jabatan serta aktiviti yang boleh dilaksanakan merupakan antara agenda yang sering dibincangkan.
- Komitmen pensyarah untuk sentiasa mengemaskini nota serta arahan tugasan dapat memastikan setiap subjek yang diajar kepada pelajar sentiasa relevan.
- Pelajar bermasalah juga dikenalpasti serta tindakan penambahbaikan akan dibincangkan supaya pelajar-pelajar ini mampu untuk bergraduat.

2) Bengkel Penyediaan Bahan Penilaian

- Setiap semester, bengkel penyediaan bahan penilaian akan dilaksanakan untuk memastikan tugasan serta ujian yang dikendalikan pada semester tersebut dapat dijalankan dengan baik.
- Pensyarah sumber akan menyediakan soalan ujian serta tugasan dan akan diserahkan kepada kumpulan penilai untuk memastikan setiap arahan tugasan dan ujian relevan mengikut kepada hasil pembelajaran yang ditetapkan.
- Setiap soalan ujian yang dihasilkan haruslah berbeza pada setiap semester untuk mengurangkan risiko pelajar melakukan plagiat.

3) Mesyuarat Post Mortem

- Mesyuarat post mortem akan dilaksanakan pada setiap hujung semester untuk membincangkan semula setiap masalah yang berlaku pada semester itu serta penambahbaikan yang dilaksanakan.
- Perbincangan ini sangat membantu pensyarah untuk menilai kembali setiap tindakan yang dilaksanakan serta tidak mengulangi kesilapan lalu.
- Post Mortem ini juga melibatkan penilaian arahan tugasan, bahan pengajaran serta pengendalian kuliah pensyarah tersebut.
- Setiap perbincangan yang dilaksanakan adalah untuk memastikan para pensyarah dapat memperbaiki serta mengoptimumkan pengajaran pada masa hadapan.

4) Mesyuarat Akademik

- Mesyuarat akademik yang dikendalikan oleh dekan pada setiap awal semester juga merupakan salah satu cara untuk menyuntik semangat pensyarah supaya terus berkhidmat dengan cemerlang.
- Dekan akan memberikan nasihat serta dorongan kepada pensyarah untuk melaksanakan tugas hakiki dengan baik serta sebarang masalah boleh dibincangkan bersama pihak pengurusan APB.
- Selain itu, KPI APB juga akan dibentangkan supaya pensyarah peka terhadap KPI yang perlu dicapai.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_A01_AB04_AC03_20231_Bengkel Penyediaan Bahan Penilaian .pdf

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Secara keseluruhannya, APB semakin mengorak langkah kehadapan demi untuk masa hadapan yang lebih cemerlang. Komitmen pensyarah APB yang sentiasa bersedia dalam tugasan masing-masing tidak perlu dipertikaikan lagi.

Oleh yang demikian, para pensyarah APB sentiasa ditawarkan jawatan luar APB disebabkan oleh pembudayaan kerja yang baik. Berikut merupakan antara jawatan luar yang dilantik dalam kalangan pensyarah APB.

- Felo Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu
- Koordinator Unit Korporat UiTM
- Koordinator ICAN UiTM
- Penyelaras ICAN UiTM

Keterlibatan pensyarah APB sekaligus menaikkan lagi nama APB serta memberikan ruang kepada para pensyarah untuk bergerak maju kehdapan serta dapat membina jaringan baru yang lebih baik.

**SENARAI BUKTI :**

# KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

## 5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia merangkumi pelbagai aspek dan kriteria yang melibatkan pelbagai proses perancangan dan polisi organisasi yang memberi tumpuan kepada pembangunan tenaga kerja yang berprestasi, berinovatif, berpotensi dan berkualiti. Sehingga akhir tahun 2022, Akademi Pengajian Bahasa (APB) mempunyai seramai 246 orang staf akademik dan 28 orang staf pentadbiran yang bertanggungjawab menjayakan perkhidmatan kepada pelanggan secara berkesan.

**Perancangan *(Plan)***

Setiap semester, Koordinator Pusat Pengajian (KPP) membuat analisa keperluan pensyarah untuk dihantar kepada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) bagi mendapatkan waran pensyarah baharu. Manakala Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa (PTFT) pula dilantik bagi menangani keperluan pensyarah yang tidak mencukupi untuk jangka masa pendek supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Di samping itu, Dekan dan semua KPP/KPK/KPPS/Koordinator/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan (Akademik) akan mengadakan mesyuarat secara berkala bagi membincangkan perihal yang berkait dengan urusan pentadbiran yang tertumpu kepada laporan mengenai aktiviti yang dijalankan secara keseluruhan. Sesi ‘Townhall bersama Dekan’ juga diadakan untuk memaklumkan perancangan strategik APB setiap tahun kepada semua warga APB (Akademik & Pentadbiran) supaya dapat difahami dan dilaksanakan dengan jayanya.

**Pelaksanaan *(Do)***

Pengambilan staf di APB dilaksanakan melalui pemilihan mengikut bidang kelayakan yang dimiliki dan berdasarkan kepada keperluan unjuran staf akademik mahupun staf pentadbiran. Staf akademik yang melapor diri dibekalkan dengan *Teaching Portfolio* manakala staf pentadbiran diberi Fail Meja. Staf juga digalakkan menghadiri latihan sama ada anjuran dalaman atau luar universiti bagi menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan lagi kemahiran yang boleh membantu atau menyokong pelaksanaan projek/program/aktviti yang dijalankan. Di peringkat pengurusan akademik, Ketua Pusat Khidmat Bahasa Inggeris akan dibantu oleh Koordinator Kursus Pra/Asasi/Diploma/Ijazah manakala Ketua Pusat Khidmat Bahasa Asia dan Eropah pula dibantu oleh Koordinator Kursus Bahasa Asia dan Eropah. Fungsi ini dikendalikan oleh pengurusan jabatan yang bertindak menguruskan keperluan bahasa Inggeris dan bahasa ketiga sebagai mata pelajaran *servicing* kepada semua fakulti di samping berperanan menetapkan mesyuarat penyelarasan bersama cawangan bagi setiap semester dengan menyeragamkan pengajaran dan pembelajaran di seluruh kampus.

**Pemantauan *(Check)***

Pemantauan pensyarah boleh dilihat dari segi PRO-PENS/SUFO/Penilaian kendiri pensyarah dan LNPT. Bagi memastikan proses pengajaran yang diberikan berkualiti, proses penilaian prestasi pensyarah di APB dijalankan menggunakan pendekatan pemantauan berkala yang dilakukan oleh ahli pengurusan, audit dalaman APB dan pengurusan tertinggi APB sendiri serta jawatankuasa PRO-PENS *(Lecturer’s Professionalism Monitoring)*. Antara makanisme pengukuran prestasi pensyarah adalah:

Ø Penilaian terhadap pengajaran di bilik kuliah dilakukan setiap semester secara rawak.

Ø Semakan terhadap bahan pengajaran (*Teaching Portfolio*) dilakukan setiap semester secara rawak.

**Penambahbaikan *(Act)*.**

‘Headhunting’ adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pensyarah baharu bagi memenuhi keperluan unit yang kritikal / amat memerlukan. Bagi mana-mana keperluan bidang

yang kritikal, pihak APB akan memohon kepada Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf (JPSM) untuk mengisi waran dengan kod OS29000 (tidak berwaran).Manakala pensyarah yang bersara / telah berhenti, APB akan menghantar permohonan kepada pihak BPO supaya pengisian dapat dibuat dengan segera.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Di peringkat pelaksanaan pengajaran & pembelajaran, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk memudahkan kerja-kerja penilaian pelaksanaan projek penilaian secara elektronik iaitu “Computer-Based Language Test (CBLT/CBT)” serta “English Exit Test (EET)” yang dijalankan. Staf yang dipilih untuk mengendalikan CBT dan EET dipertanggungjawabkan untuk sentiasa memantau pelaksanaan penilaian elektronik ini di dalam makmal komputer di setiap fakulti yang menawarkan kod-kod subjek tersebut. Mereka yang melaksanakan tugas ini juga dipilih dalam kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan/kemahiran tentang teknologi dalam pengajaran. Pemilihan staf yang terlibat sedikit kompleks kerana proses melaksanakan penilaian elektronik ini perlu melalui beberapa lapisan gerak kerja sebelum ianya dapat digunakan oleh kumpulan sasaran.

Dua (2) jawatankuasa ditubuhkan bagi memastikan kelancaran kerja-kerja penilaian CBT dan EET.

Ø  Jawatankuasa kecil pertama mensasarkan pembangunan kandungan untuk subjek ELC121. Dalam jawatankuasa ini terdapat beberapa lapisan iaitu yang terdiri daripada kumpulan pembangunan isi kandungan, kumpulan pembangunan sistem teras, kumpulan alih suara dan kumpulan pensyarah subjek ELC121

Ø jawatankuasa kecil kedua yang mensasarkan pembangunan kandungan untuk subjek ELC151.

Begitu juga untuk struktur jawatankuasa penilaian elektronik EET699, tiga lapisan pertama jawatankuasa ini juga terdiri dari struktur yang sama. Tetapi lapisan terakhir adalah dipilih secara rawak.

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_S01_SB02_20231_SENARAI LATIHAN STAF 2022.pdf
2. F0048_S01_SB02_20232_PERMOHONAN WARAN 2022 UNTUK 2023.pdf
3. F0048_S01_SB02_20233_PENDEKATAN DAN PENGENDALIAN SISTEM PENILAIAN ELEKTRONIK CBT DAN EPT_compressed.pdf
4. 
5. 

**5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

**PENGURUSAN MENGOPTIMUMKAN KEPAKARAN DAN PENGALAMAN TENAGA KERJA BAGI MENJAYAKAN BIDANG TUMPUAN**

Terdapat tiga (3) teras utama dalam Perancangan Strategik APB bagi Unit Perhubungan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni iaitu:

i) Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (PIP)

ii) Akademia, Industri dan Masyarakat (AIM)

iii) Keusahawanan (K)

Teras-teras ini merupakan asas utama kepada pengurusan APB dalam memastikan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja APB dapat dioptimumkan.

5.2.1 **Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (PIP)**

Bagi meningkatkan penghasilan inovasi-inovasi baharu, pelbagai aktiviti di bawah PIP telah dirancang dan disusun supaya staf akademik yang terlibat dalam PIP mendapat bantuan dan bimbingan yang maksimum.

Aktiviti:

i) Bengkel Penulisan bengkel penyediaan cadangan penyelidikan bersama Prof Madya Dr Noor Hanim Rahmat.

ii) Bengkel Penerbitan Artikel Berindeks

iii) Bengkel Penyelidikan Geran Inisiatif APB

iv) Bengkel Penulisan Artikel Berindeks – RENEU UiTM

v) Bengkel Penulisan Artikel Jurnal Berimpak Untuk Penerbitan Hasil Penyelidikan Geran Inisiatif APB

vi) Bengkel Penyelidikan Geran Dalaman Akademi Pengajian Bahasa

vii) IJMAL (e-jurnal & penerbitan)

Impak:

a) Berjaya meningkatkan jumlah jurnal dan penerbitan

b) Berjaya mencapai KPI

c) Skor Myra meningkat

Bentuk Perkongsian:

a) Bengkel

b) Ceramah

5.2.2 **Akademia, Industri dan Masyarakat (AIM)**

Di bawah AIM, pelbagai aktiviti bersama dengan organisasi dan masyarakat telah dijalankan dengan jayanya. Aktiviti-aktiviti yang terlibat telah berjaya meningkatkan jumlah jaringan industri yang bekerjasama dengan APB.

Terdapat beberapa Kursus Kemahiran Bahasa (KKB) dan Kursus Jangka Pendek Khas Pakej Khas Bahasa (PKB) yang dijalankan sepanjang tahun 2022 iaitu:

**Kursus Jangka Pendek Pakej Khas Bahasa (PKB)**

i) Bengkel 'English Bridging Course' Malaysian University Entrance Test (MUET) untuk IPSIS – Kumpulan 6.

ii) Bengkel 'English Bridging Course' Malaysian University Entrance Test (MUET) – Kumpulan 7.

iii) Bengkel 'English Bridging Course' Malaysian University Entrance Test (MUET) – Kumpulan 8.

iv) Bengkel 'English Bridging Course' Malaysian University Entrance Test (MUET) – Kumpulan 9.

**Kursus Jangka Pendek Pakej Khas Bahasa (PKB) 2022 (Organisasi Dalam Negara)**

i) 'Basic Communicative Bahasa Melayu Online Course' untuk MTJA Thailand.

**Kursus Jangka Pendek Kursus Kemahiran Bahasa (KKB)**

i) Bahasa Mandarin Tahap I

ii) Bahasa Jepun Tahap I

Impak:

a) Program-program kemasyarakatan dan aktiviti yang dijalankan telah dapat dimanfaatkan oleh warga APB dan juga masyarakat setempat.

b) Program-program/aktiviti-aktiviti mendapat sambutan yang baik oleh masyarakat dan beberapa organisasi.

Bentuk Perkongsian:

a) Bengkel

b) Ceramah

c) Kelas

5.2.3 **Keusahawanan (K)**

Pelbagai Aktiviti dan program yang berkaitan dengan keusahawanan dijalankan dengan tujuan untuk menarik minat dan mendedahkan pelajar-pelajar dan juga staf tentang kepentingan keusahawanan.

Aktiviti:

i) Bengkel keusahawan pelajar dan kakitangan

ii) Bengkel Minda Hati Dan Jiwa Keusahawanan

Impak:

Pelajar dan staf APB dapat mengasah minat dan bakat keusahawanan dengan menyertai program-program seperti penjualan barangan dan makanan.

Bentuk Perkongsian:

a) Karnival

b) Bengkel

c) Ceramah

Penglibatan staf dengan mewajibkan mereka terlibat dengan pelbagai bentuk latihan adalah sangat penting supaya dapat memastikan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti dapat berjalan dengan lancar. Selain daripada untuk peningkatan diri, ilmu yang diperoleh daripada keterlibatan dengan pelbagai bentuk latihan tersebut telah dapat meningkatkan kemahiran setiap staf dan pelajar yang terlibat. Selain itu, ia juga secara tidak langsung dapat menjadi nilai tambah khususnya kepada staf APB.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_S01_SB03_20231_Surat Kelulusan Mengadakan Program IPSIS Kumpulan 6.pdf
2. F0048_S01_SB03_20232_Surat Kelulusan Mengadakan Program IPSIS Kumpulan 7.pdf
3. F0048_S01_SB03_20233_Surat Kelulusan Mengadakan Program Kumpulan 8.pdf
4. F0048_S01_SB03_20234_Surat Kelulusan Mengadakan Program IPSIS Kumpulan 9.pdf
5. F0048_S01_SB03_20235_21-I-UITM Appointment Letter.pdf

# PEMBELAJARAN (LEARNING)*

### 5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

### TAHAP KEPUASAN HATI DAN KELUHAN TENAGA KERJA TERHADAP PERSEKITARAN KERJA

Pihak pengurusan amat mengambil berat terhadap kepuasan hati dan keluhan tenaga kerjamdengan memberi perhatian terhadap penyelesaian masalah terhadap aduan-aduan yang diutarakan oleh semua staf APB. Saluran yang disediakan untuk staf membuat aduan adalah melalui pertemuan empat mata, emel, telefon dan whatsapp. Selain itu, ketidakpuasan hati yang dibincangkan akan dicatatkan dalam mesyuarat-mesyuarat jabatan, mesyuarat pentadbiran dan juga sesi Townhall Bersama Dekan yang diadakan pada setiap awal semester dan akhir semester untuk semua staf akademik dan pentadbiran.

**SENARAI BUKTI:**

1.
2.
3.
4.
5.

### 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengoperasian pengajaran dan pembelajaran tidak berada di tahap yang optimum. Fokus secara berperingkat dilakukan dari segi fasiliti, rohani, jasmani dan komuniti. Namun, APB menghadapi kekangan dana kerana penambahbaikan dan pengubahsuaian fasiliti memerlukan kos yang tinggi. Kesediaan kemudahan dan keceriaan pelajar di kompleks Kenanga 2 dan 4 juga perlu diberi perhatian semula iaitu dari segi kelajuan internet, kesediaan dan kemudahan hibrid (platform hibrid, kualiti kamera dan mikrofon serta suasana kelas). Selain itu, bilik kegiatan pelajar, fasiliti untuk OKU dan Komuniti mesra OKU juga perlu diberi perhatian.

Impak risiko jika pengoperasian pengajaran dan pembelajaran tidak berada di tahap yang optimum di mana pelajar akan berasa tidak berpuas hati dengan fasiliti kompleks Kenanga 2 dan 4. Seterusnya, akan memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran.

Bagi mengatasi kekurangan dana yang dihadapi, APB telah cuba untuk mencari jalan penyelesaian dengan mengadakan perbincangan pengurusan eksekutif berkenaan peruntukan dana untuk fasiliti pelajar di peringkat fakulti, pemberian borang soal selidik dan pembelian peralatan secara berperingkat. Selain itu, pihak pengurusan juga turut mendapatkan sumbangan daripada industri dan alumni untuk menambah baik lagi fasiliti sedia ada.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_S01_SB04_SC02_20231_Template Daftar Risiko 2021.pdf
2. 
3. 
4. 
5. 

### 5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**TINDAKAN YANG DIAMBIL BAGI MEMASTIKAN PERSEKITARAN KERJA DAN SISTEM KERJA YANG KONDUSIF**

Sumber manusia merupakan antara perkara yang penting untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Sehubungan itu, persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif diwujudkan oleh APB bagi memastikan matlamatnya tercapai.

Persekitaran kerja yang kondusif bukan sahaja dapat dilihat dari segi kemudahan yang diberikan tapi ianya juga merangkumi 'soft touch' yang diperlukan oleh staf bagi meningkatkan kegirangan semasa di tempat kerja. Budaya memupuk nilai-nilai empati dan sokongan terhadap satu sama lain antara sikap positif yang dapat dilihat dikalangan staf pentadbiran dan akademik di APB.

Sebagai contoh, budaya kerja di APB yang sering menekankan konsep *teamwork*. Pada tahun lepas telah dilaksanakan program gotong royong untuk keceriaan pejabat serta aktiviti pelupusan perabot.

Memupuk persahabatan yang bermakna di tempat kerja, meraikan ulang tahun kelahiran, menganjurkan aktiviti *pot-luck*, menganjurkan *team-building*, menunjukkan keprihatinan dan belas kasihan terhadap satu sama lain. Mengamalkan kemurahan hati, penghargaan, ketulusan dan pengesahan.

**<u>SENARAI BUKTI :</u>**

1.
2.
3.
4.
5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

### Hasil Inovasi

Melalui pelbagai aktiviti seperti penganjuran konferensi, seminar akademik, kolokium dan pertandingan LIID, APB dapat memastikan organisasi mendapat faedah daripada sumber meluas, pembudayaan dan pemikiran serta bakat yang diperlihatkan di kalangan staf. Selain itu, warga APB digalakkan terlibat dalam pertandingan inovasi dan rekacipta di peringkat universiti dan kebangsaan. Penglibatan APB dalam aktiviti kreatif dapat dibuktikan hasil dari tumpuan tenaga kerja APB melalui penyertaan dalam pertandingan seperti LIID dan IIDEX. Staf akademik khususnya telah berjaya menyerlahkan bakat masing-masing apabila kebanyakan penyertaan yang disertai telah berjaya memperoleh pingat.

### Penghargaan dan Pengiktirafan Kepada Sumber Manusia

Pengurusan sumber manusia memainkan peranan yang penting dalam mencapai tujuan ataupun matlamat sesebuah organisasi. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan individu yang berkualiti, produktif dan cemerlang yang seterusnya memberikan kesan yang baik kepada sesebuah organisasi.

Peluang kenaikan pangkat terbuka kepada semua staf yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengurusan universiti. Staf yang mencapai prestasi cemerlang diberi ganjaran anugerah khidmat cemerlang. Mulai tahun 2010, penglibatan staf dengan aktiviti pelajar diambil kira dalam kenaikan pangkat staf seperti yang ditetapkan oleh universiti.

Selain itu, pengurusan turut memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia melalui majlis apresiasi staf sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang berkhidmat dengan cemerlang. Seterusnya, setiap tahun juga diadakan jamuan hari raya bagi meraikan staf yang beragama Islam dan juga kehadiran staf yang bukan beragama Islam turut dapat mengeratkan silaturahim sesama staf baik staf di pentadbiran atau akademik.

**<u>SENARAI BUKTI :</u>**

1.
2.
3.
4.
5.

# KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

## 6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) kepada khidmat bahasa Inggeris dan bahasa moden yang berkesan, sistem kerja yang diamalkan di Akademi Pengajian Bahasa (APB) ialah **PDCA (Plan, Do, Check, Act)**.

Khidmat bahasa APB diberikan kepada semua peringkat pengajian (kecuali pasca siswazah) iaitu di peringkat Pra-Diploma, Asasi, Diploma, dan Sarjana Muda. Kursus-kursus bahasa yang juga merupakan kursus universiti dan elektif ditawarkan kepada 26 fakulti, 3 pusat akademik, 35 kampus dalam sistem UiTM yang melibatkan lebih 60,000 orang pelajar setiap semester. Perkhidmatan yang disampaikan oleh 3 jabatan di APB iaitu Jabatan Bahasa Inggeris (JBI), Jabatan Pengajian Melayu (JPM) dan Jabatan Bahasa Asia Eropah (JBAE) melibatkan 9 kursus-kursus bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Itali, Perancis, Korea, Jepun, Jerman dan Arab di peringkat dan ditawarkan dalam mod sepenuh masa dan separuh masa. Sehingga tahun 2017, terdapat 49 kursus-kursus bahasa yang ditawarkan dari 3 jabatan iaitu 21 kursus oleh JBI, 23 kursus oleh JBAE dan 5 kursus oleh JPM.

Proses penyampaian perkhidmatan ini dikendalikan oleh pasukan pengurusan setiap jabatan di APB. Struktur pengurusan ketiga-tiga jabatan mempunyai dua peringkat iaitu

- peringkat Pengurus yang terdiri dari Koordinator Akademik dan Koordinator Pengurusan
- peringkat Pelaksana yang terdiri dari Penyelaras Unit, Pensyarah Sumber, Wakil Fakulti, dan Pensyarah.

Koordinator Akademik bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal akademik dan kertas peperiksaan semua program di bawah jabatan tersebut seperti mengadakan taklimat kursus, mengadakan bengkel penyediaan kertas peperiksaan dan memastikan bahawa kertas peperiksaan dan dokumen kursus dikemas kini oleh Pensyarah Sumber sebelum diedarkan ke kampus-kampus dalam seluruh sistem UiTM. Koordinator Pengurusan pula bertanggungjawab mengenai urusan pentadbiran khidmat bahasa seperti urusan jadual waktu setiap kursus dan bilangan pensyarah yang mengajar kursus-kursus Bahasa Moden di kampus Shah Alam.

### 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses-proses utama dalam menyokong pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) melibatkan pihak pengurusan atasan akademik seperti Timbalan Dekan Akademik beserta Ketua Pusat Khidmat Bahasa (Bahasa Inggeris, Bahasa Asia & Eropah dan Bahasa Melayu), serta Koordinator ketiga-tiga jabatan APB. Pihak pengurusan memastikan sistem "PDCA" diamalkan untuk proses perancangan dan pengurusan:

- berbincang dengan pengurusan atasan akademik fakulti untuk menentukan kursus-kursus bahasa moden yang sesuai untuk fakulti berkenaan.
- Kursus-kursus yang dipilih akan didaftarkan ke dalam Pelan Pengajian.
- mewujudkan carta alir pelaksanaan English Placement Test (EPT) untuk rujukan penyelaras dan pensyarah terlibat.

EET iaitu *English Exit Test* adalah di antara salah satu inisiatif APB berdasarkan kemahiran berkomunikasi. EET juga adalah salah satu syarat graduat dari UiTM untuk semua pelajar sarjana muda bermula pengambilan Mac 2015. Objektif pelaksanaaan EET adalah untuk mengukur tahap kemahiran Bahasa Inggeris calon untuk bekerja kelak. Kemahiran yang diukur melalui EET adalah khususnya kemahiran menulis and bertutur dalam Bahasa Inggeris.

EPT iaitu English Placement Test adalah penilaian yang dibuat dari segi pemahaman dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Ujian ini melibatkan kemahiran mendengar dan pemahaman pembacaan. Para pelajar harus menduduki ujian tersebut pada miggu pertama kuliah. Pelajar yang mencapai markah 80 dan ke atas diberi pengecualian mengambil subjek ELC121.

**SENARAI BUKTI:**

1. F0048_O01_OB02_20231_Carta Alir EPT Pensyarah October 2022 V3.docx (1).pdf
2. F0048_O01_OB02_20232_Carta Alir EPT Pensyarah October 2022 V3.docx-1.pdf
3.
4.
5.

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Proses perluasan dikendalikan di peringkat pelaksana, terdiri dari penyelaras unit, pensyarah sumber, wakil fakulti dan pensyarah.

- Maklumkan maklumat kursus dan SLT kepada pelajar pada awal semester.
- Pantau aktiviti perkuliahan dan pastikan dijalankan mengikut jadual.
- Penilaian akan dijalankan mengikut Skema Kerja yang telah ditetapkan mengikut setiap kursus yang diambil. Menilaikan pelajar dari aspek kemahiran berikut - bertutur, menulis dan membaca – dalam bahasa-bahasa moden yang diambil.
- Maklumbalas prestasi pelajar untuk ujian dan kerja kursus sebanyak 30-50 peratus dimaklumkan kepada pelajar pada minggu 13 dan 14.
- Pemarkahan kertas peperiksaan akhir dan ujian berterusan diadakan sepanjang minggu peperiksaan sehingga dibentangkan dalam mesyuarat JAF APB, fakulti dan Senat.

Pelajar dikehendaki mendaftar untuk EET dalam tempoh pendaftaran tambah/gugur kursus. Tiga hari sebelum minggu peperiksaan akhir bermula ujian percakapan akan dijalankan manakala ujian penulisan akan dijadualkan pada hari pertama minggu peperiksaan akhir bermula. Penolong pendaftar akademik akan menyemak senarai pelajar yang layak mendaftar EET. Para pelajar pula dikehendaki untuk malakukan validasi pendaftaran EET699 seperti pengesahan pendaftaran kursus sedia ada. Pelajar juga harus menggunakan slip yang sama dengan Slip Menduduki Peperiksaan Akhir semasa menduduki EET.

Ujian percakapan dilaksanakan secara dalam talian melalui perantaraan system uFuture di makmal komptuer di fakulti masing-masing. Oleh itu, dalam persediaan awal untuk ujian percakapan fakulti harus memastikan komputer dan talian Internet berfungi dengan baik. Pada masa yang sama, fakulti juga harus memastikan setiap computer telah dipasang dengan perisian rakaman audio yang sesuai dan juga memastikan headset dan microphone yang mencukupi dan berfungsi dengan baik.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_O01_OB03_20231_TMC401Weekly Schedule -Oct2022 Hybrid.pdf
2.
3.
4.
5.

# <u>PEMBELAJARAN (LEARNING)*</u>

### 6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

SULAM

Program Forum SULAM “Nusantara Languages:The lost jewel” adalah antara program yang berjaya dianjurkan oleh pelajar semester dua program ijazah sarjana muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Inggeris Komunikasi Professional (LG240). Forum ini melibatkan 69 ahli jawatankuasa serta 2 penceramah yang hadir melalui Zoom, dan turut disaksikan secara langsung oleh 125 penonton melalui YouTube. Tujuan utama forum ini adalah untuk memberikan pendedahan yang wajar terhadap Bahasa-bahasa minority yang digunakan oleh golongan minoriti. Dalam perbincangan forum ini, Bahasa Jawa dan Bahasa Bugis telah menjadi tumpuan utama. Para pelajar yang terlibat dalam penganjuran program sebegini mendapat pengalaman praktikal dalam merancang, mengurus dan melaksanakan acara. Mereka juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kerja berkumpulan dan kepimpinan. Di samping itu, para pelajar juga dapat membentuk rangkaian social yang bermanfaat untuk asa depan mereka melalui peluang berkenalan dengan penceramah, ahli jawatan kuasa dan juga penonton.

CGCT

Pengajaran kolaboratif merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan beberapa individu pengajar, termasuk pensyarah dan wakil dari isdustri yang bekerjasama untuk menjayakan aktiviti pengajaran Bersama. Tiga aspek utama yang boleh dijadikan unsur kolaborasi adalah, kolaborasi dalam membangunkan kandungan, kolaborasi dalam menyampaikan pengajaran dan kolaborasi dalam membangunkan dan melaksanakan pentaksiran. Dalam pelaksanaan pengajaran kolaboratif ini, para pensyarah akan menggunakan strategi-strategi yang ditetapkan. Antaranya, perangan terlebih dahulu dan mendapatkan persetujuan pihak-pihak berkenaan. Selain itu, tenaga pengajar boleh mendapatkan khidmat kepakaran jawatan kuasa CGCT. Tenaga pengajar juga boleh merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

**<u>SENARAI BUKTI:</u>**

1. F0048_O01_OB04_OC01_20231_TATACARA PENILAIAN & PELAPORAN PROJEK CGCT SEMESTER OKT2022_FEB2023 (3).pdf
2. F0048_O01_OB04_OC01_20232_Kerangka Pengajaran Kolaboratif Di UiTM.pdf
3. 
4. 
5. 

### 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Ujiian atas talian seperti EET dan EPT membawa pelbagai cabaran terutamanya disebabkan masalah teknikal. Salah satu masalah utama adalah kerosakan peralatan computer atau kegagalan perisian yang mungkin terjadi pada masa yang tidak dijangka yang boleh mengakibatkan kehilangan data atau terganggu waktu yang telah diperuntkkan untuk ujian. Selain itu, jaringan Internet yang tidak stabil atau terputus juga menjadi masalah Ketika menjalankan ujian-ujian ini. Masalah teknikal ini boleh memberi kesan negative terhadap keberkesanan ujian secara keseluruhan. Keberkesanan ujian atas talian juga tertakluk kepada kejujuran para pelajar dalam membuat ujian.

Untuk mengatasi cabaran teknikal pihak pentadbir telah mengambil beberapa langkah. Antaranya, penyelengaraan berkala pada peralatan computer dan perisian ujian. Ini termasuk memeriksa perisian dan menggantikan peralatan yang rosak. Selain itu, jaringan Internet di makmal computer juga dipastikan stabil dan kuat. Penggunakan peranti pengukuran kualiti jaringan memperbaiki kekuatan sambungan. Di samping itu, terdapat pasukan sokongan teknikal yang sedia membantu semasa ujian. Para pengawas ujian dan para pelajar diperingatkan untuk mengetahui bagaimana untuk mendapatkan bantuan segera jika menghadapi masalah teknikal. Dengan menyediakan penyelenggaraan yang baik dan sokongan teknikal, cabaran teknikal semasa ujian di makmal dapat dihadapi dengan lebih efisien.

**<u>SENARAI BUKTI :</u>**

1.
2.
3.
4.
5.

### 6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bengkel pemurnian kurikulum baru dianjurkan untuk mengkaji semula dan menambahbaikan kurikulum yang sedia ada. Pensyarah sumber bertanggungjawab untuk membuat penambahbaikan dokumen-dokumen untuk kursus masing-masing, termasuk *course information, course syllabus, weekly schedule, scheme of work*. Pensyarah sumber juga menyediakan dokumen penilaian peperiksaan untuk kurikulum baru.

Bengkel EET dianjurkan untuk para pensyarah. Bengkel ini dianjurkan dengan matlamat untuk menambah baik penilaian yang sedia ada agar selaras dengan objektik ujian EET. Tambahan pula, para pensyarah turut diminta untuk memberi maklumbalas tentang kandungan ujian untuk memastikan soalan-soalan ujian adalah relevan, mencabar dan mencerminkan matlamat pembelajaran yang dikehendaki. Perancangan teliti melalui bengkel ini memberi tumpuan terhadap kualiti dan integriti yang akan memberi impak kepada pengalaman pelajar.

**SENARAI BUKTI :**

1. F0048_O01_OB04_OC03_20231_Laporan Bengekl Semakan Kurikuklum ARMADA.pdf
2. F0048_O01_OB04_OC03_20232_BPPA_2.0 Kertas Kerja Pentaksiran & Penilaian 2021 (MQF2.0)_JBAE.pdf
3.
4.
5.

### 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penggunaan teknologi dalam Pendidikan telah menjadi elemen penting dalam usaha menigkatkan pengalaman pembelajaran. Teknologi membolehkan akses kepada pelbagai sumber maklumat dan kaedah pengajaran yang lebih dinamik. Integrasi teknologi dalam Pendidikan bukan sahaja meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga membuka pintu kepada peluang pembelajaran yang lebih luas dan fleksibel. Untuk memastikan EET dan EPT relevan, pemilihan topik dan isi kandungan sentiasa mempertegahkan isu-isu semasa yang sesuai dengan tahap pelajar. Pendekatan ini melatih pelajar untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan. Ini juga akan membina keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan efektif di tempat kerja kelak.

**SENARAI BUKTI :**

1.
2.
3.
4.
5.

**KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

## 7.1 HASIL UTAMA 1

Bilangan Pelajar graduat dalam tempoh ( GOT )

### 7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Salah satu objektif dalam Universiti Teknologi MARA dan juga APB adalah memastikan 90% pelajar sepenuh masa pada peringkat Sarjana Muda bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan.

Kepentingan pelajar graduat dalam tempoh ini adalah untuk menyelesaikan pengajian mereka pada masa yang ditetapkan, mempelajari kemahiran-kemahiran baru, meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka serta membina rangkaian profesional. Selain itu, graduan juga berpotensi mendapat pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih tinggi setelah tamat pengajian mereka. Oleh itu, ia penting bagi pelajar graduat untuk menjalani tempoh ini dengan sepenuhnya dan bersungguh-sungguh dalam usaha meraih matlamat mereka.

Analisis yang perlu dilakukan untuk mendapat pelajar graduat dalam tempoh termasuk menilai keperluan mereka dan apa yang diharapkan dari pengalaman pendidikan. Ini dapat mencakup analisis pemikiran kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, dan keahlian yang relevan dengan industri selaras dengan bidang bahasa yang diceburi. Selain itu, penting juga untuk mempertimbangkan strategi pemasaran dan promosi program, termasuk menggunakan alat digital seperti media sosial untuk meningkatkan kesadaran tentang program tersebut . Evaluasi feedback dari siswa melalui sistem SUFO dapat membantu APB tetap relevan dan responsif terhadap pasar kerja dan tuntutan mahasiswa masa depan.

Antara strategi atau cara untuk membantu pelajar graduat dalam tempoh ini adalah dengan menyediakan mereka dengan sumber daya dan sokongan yang mencukupi, seperti mentorship, pembimbingan akademik, bantuan kewangan dan perkhidmatan pekerjaan. Selain itu, penting juga bagi APB untuk bekerjasama dengan majikan dan industri setempat untuk memastikan program pengajian mereka relevan dan memberikan latihan praktikal yang berkualiti kepada pelajar graduat. Ini akan membantu mempersiapkan graduan untuk pasar kerja yang kompetitif dan mencapai matlamat mereka dalam masa yang ditetapkan.

### 7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : H1_F0048_HB02_20231_AKNC GOT Penerangan .pdf

### 7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : H1_F0048_HB03_20232_AKNC APB 2022 Laporan Pelajar Graduat Dalam TempohTrend.pdf

### 7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : H1_F0048_HB04_20233_AKNC APB 2022 Laporan Pelajar Graduat Dalam Tempoh.pdf

### 7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : H1_F0048_HB05_20234_AKNC GOT Hasil utama yang memberi impak kepada UiTM

terhada.pdf

**KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

**7.2 HASIL UTAMA 2**

HASIL PELAKSANAAN STRATEGI, KEBOLEHPASARAN SISWAZAH (GE)

**7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kebolehpasaran siswazah menjadi tumpuan penting dalam sistem pendidikan, terutamanya di universiti. Kebolehpasaran siswazah di UiTM dan APB adalah untuk membantu memastikan graduan mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk berjaya dalam pasaran kerja yang sangat kompetitif pada masa kini. Peranan kebolehpasaran siswazah di APB adalah sangat penting yang akan memberi impak, manfaat kepada pelajar serta masyarakat secara keseluruhan, pada masa yang sama menjulang nama UiTM di persada global.

Selaras dengan objektif Universiti dan APB, perlaksanaan dijalankan di peringkat Universiti, PTJ, semua koordinator bertanggungjawab, pensyarah , pentadbir dan juga pelajar itu sendiri.

Tambahan pula, kebolehpasaran siswazah turut memberikan sumbangan dalam memajukan ekonomi negara dengan menambah nilai produk dan perkhidmatan yang dihasilkan. Selain itu, ia juga membantu meningkatkan kualiti hidup graduan secara individu dan menyokong kemajuan masyarakat pada keseluruhan. Oleh itu, universiti dan APB mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa program pendidikan mereka tidak hanya fokus kepada pembentukan kepakaran tetapi juga memberi persediaan untuk pasaran kerja masa kini dan mendatang. Ini akan berlangsuang selama mereka masih digelar sebagai pelajar. Latihan industri yang bersesuaian dengan pelajar dan dengan bantuan alumni yang sedia ada, dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran untuk tujuan kebolehpasaran.

Dengan peratusan yang tinggi kebolehpasaran siswazah bagi universiti, memberi impak dari segi keyakinan dan kepercayaan masyarakat secara amnya dan melatakkan UiTM sebagai institusi yang dapat memberi jaminan masa hadapan anak-anak bangsa.

Secara global pula, ini memainkan peranan yang penting untuk menarik kerjasama dari universiti yang terkemuka di dunia untuk bekerjasama dan menjalankan kolaborasi dari pelbagai segi.

**7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : H2_F0048_HB02_20231_AKNC GE DATA PERATUSAN KEBOLEHPASARAN SISWAZAH APB 2022 1.pdf

**7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : H2_F0048_HB03_20232_AKNC -GE Tahap capaian hasil untuk Kebolehpasaran pascasisw.pdf

**7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : H2_F0048_HB04_20233_AKNC -GE Tahap capaian hasil untuk Kebolehpasaran pascasisw.pdf

**7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : H2_F0048_HB05_20234_AKNC- GE Kepentingan Kebolehpasaran siswazah kepada UiTM(1).pdf

**KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

## 7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA - PENSYARAH

### 7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Objektif dan Sasaran UiTM dan APB adalah mencapai 30% daripada pensyarah yang direkrut mempunyai lulusan PHD. Ianya selaras dengan Falsafah UiTM yang menyasarkan pemindahan ilmu yang berlaku supaya graduan menjadi profesional yang berjaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

Bagi menjagakan strategi ini, penglibatan dari pengurusan atasan UiTM, PTJ, koordinator dan staf akademik amatlah penting. Setiap tahun jika terdapat pensyarah yang tamat perkhidmatan, penggantian haruslah dilakukan dengan mengrekrut pensyarah baru yang berkelulusan PHD dalam bidang yang diperlukan. Perlaksanaan ini harus berterusan sehingga tahun 2025. Para pensyarah juga dinilai melalui sistem ATP setiap 6 bulan untuk tujuan pemantauan, penilaian ini juga berlangsung secara berterusan.

Dengan pengmbilan pensyarah yang bersesuaian di APB, ini dapat meningkatkan inovasi, penerbitan, sebagai pakar rujuk dan lain-lain lagi. Ini telah dibuktikan dengan adanya lebih ramai pemegang PHD di APB, telah membantu meningkatkan nama APB terutamanya dari segi penerbitan, penyelidikan dan juga pakar rujuk.

### 7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : H3_F0048_HB02_20231_Pensyarah Tahap Pencapaian Hasil.pdf

### 7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : H3_F0048_HB03_20232_Pensyarah Trend.pdf

### 7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : H3_F0048_HB04_20233_Pensyarah Trend.pdf

### 7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : H3_F0048_HB05_20234_Pensyarah Kepentingan .pdf